

11.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL (SWSI) APRIL 2025:  
PBAPP AKAN GERAKKAN 80 LORI TANGKI DAN SEDIAKAN 182 TANGKI AIR**

<b>Pelan Bantuan Bekalan Air PBAPP untuk SWSI April 2025</b>			
<b>80 Lori Tangki</b>		<b>182 Tangki Air</b>	
<b>Seberang Perai</b>	<b>Bahagian Pulau</b>	<b>Seberang Perai</b>	<b>Bahagian Pulau</b>
<b>39</b>	<b>41</b>	<b>95</b>	<b>87</b>

PULAU PINANG, Jumaat, 11.4.2025: PBAPP akan menggerakkan 80 lori tangki untuk mengisi dan pengisian semula 182 tangki air di bawah "Pelan Bantuan Bekalan Air" (WRP) semasa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) April 2025 di Pulau Pinang.

SWSI April 2025 ini akan menjejaskan seramai 341,708 pengguna air, terutamanya di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Timur Laut (DTL di Pulau Pinang) dan Daerah Barat Daya (DBD di Pulau Pinang). Beberapa pengguna di bahagian selatan Seberang Perai Utara (SPU) juga akan terjejas.

**Untuk maklumat terperinci dan peta kawasan yang terjejas, sila layari laman web [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).**

Jadual perancangan untuk SWSI April 2025 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Perkembangan
25.4.2025 (Jumaat)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Henti tugas separa operasi bekalan air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua</li> <li>Gangguan bekalan air berjadual.</li> <li>23 projek kerja air berjadual bermula.</li> </ul>
26.4.2025 (Sabtu)	4.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua projek kerja air siap.</li> <li>Operasi pemulihan bekalan air bermula.</li> </ul>
	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>40% pemulihan bekalan air: SPU, SPT dan DTL.</li> </ul>



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

27.4.2025 (Ahad)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>• 88% pemulihan bekalan air.</li><li>• SPS: Semua Kawasan kecuali Kampung Sungai Baong, Kampung Wellesley, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan Kuarters Penjara.</li><li>• DBD: Semua Kawasan di DBD kecuali Balik Pulau (Kawasan kejiranan selatan), Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pulau Betong dan Sungai Ara.</li></ul>
28.4.2025 (Isnin)	10.00 pagi	Pemulihan penuh bekalan air.

Selaras dengan jadual tersebut, Pelan Bantuan Bekalan Air (WRP) PBAPP akan dilaksanakan seperti berikut:

- **Fasa 1 (10.00 malam, 25.4.2025 – 10.00 malam, 26.4.2025):** Sebanyak 80 lori tangki dan 182 tangki air akan digerakkan sepenuhnya di kawasan SPT, SPS, DTL dan DBD dalam tempoh 24 jam pertama.
- **Fasa 2 (10.00 malam, 26.4.2025 – 10.00 malam, 27.4.2025):** Sebanyak 80 lori tangki dan 125 tangki air akan digerakkan di kawasan SPS dan DBD selepas 40% pemulihan bekalan air dicapai. Selepas 24 jam, apabila bekalan air dipulihkan di kawasan SPU, SPT dan DTL, sebanyak 57 tangki air akan dihentikan.
- **Fasa 3 (10.00 malam, 27.4.2025 – 10.00 pagi, 28.4.2025):** Sebanyak 80 lori tangki dan 120 tangki air akan digerakkan ke kawasan hujung paip agihan (EoL) dan kawasan perumahan di tanah tinggi selepas 88% pemulihan bekalan air dicapai. Selepas 48 jam, apabila bekalan air dipulihkan untuk majoriti pengguna di kawasan SPS dan DBD, sebanyak 5 tangki air akan dihentikan.
- Pelan Bantuan Bekalan Air (WRP) PBAPP hanya akan ditamatkan secara berperingkat selepas 95% pemulihan bekalan air dicapai.

**Untuk maklumat penuh mengenai lokasi tangki-tangki air semasa SWSI April 2025, sila layari halaman *Facebook* PBAPP atau laman web [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).**

Sila ambil perhatian perkara berikut:

- Bekalan air dijangka pulih untuk pengguna air yang terjejas di kawasan SPU, SPT dan DTL dalam tempoh 24 jam.
- Bekalan air dijangka pulih untuk majoriti pengguna air yang terjejas di kawasan SPS dan DBD dalam tempoh 48 jam.

- Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya untuk semua pengguna yang terjejas, termasuk pengguna di kawasan hujung paip agihan (EoL) dan kawasan perumahan di tanah tinggi di SPS dan DBD, dalam tempoh 60 jam.

PBAPP akan melaksanakan WRP seperti yang dinyatakan. Pengguna yang terjejas juga dinasihatkan untuk merancang lebih awal dengan menyimpan bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan selama 24 jam, 48 jam atau 60 jam, bergantung kepada jangkaan tempoh SWSI di kawasan masing-masing.

Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang akan timbul berikutan SWSI April 2025 ini.

SWSI ini adalah perlu untuk melaksanakan 23 projek kerja air di seluruh Negeri Pulau Pinang. Projek-projek ini bertujuan untuk menaik taraf dan meningkatkan perkhidmatan bekalan air untuk seramai 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, iaitu loji rawatan air terbesar dan terpenting di Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)